

No. Soalan: 36
PR-1333-L70630

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN
DATU MANSUR
[SILAM]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2015

SOALAN : Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam menyelesaikan isu tuntutan Filipina terhadap Sabah seperti yang dinyatakan oleh Presiden Filipina Benigno S. Aquino yang menyatakan bahawa Filipina akan terus menuntut Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat Silam atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian mengambil berat serta memantau rapi berkenaan dengan isu tuntutan ke atas Sabah. Kerajaan Malaysia juga telah berulang kali menegaskan pendiriannya bahawa Malaysia tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah. Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian dari Malaysia sejak 16 September 1963.

Sekian, terima kasih.